

23/12/1997

MPPJ sedia RM1 juta tingkat pusat khidmat

PETALING JAYA, Isnin - Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) memperuntukkan RM1 juta untuk mengubah suai pusat perkhidmatan pelanggannya kepada sistem berkomputer di 12 kaunternya yang akan beroperasi menjelang 1998.

Yang Dipertuanya, Datuk Mohd Nor Bador, berkata melalui sistem itu, perkhidmatan kaunter akan dihubungkan terus kepada Pangkalan Data Majlis dan jabatan berkaitan.

"Dengan adanya sistem ini, orang ramai akan dapat menyelesaikan masalah berkaitan aduan, pembayaran, pertanyaan dan perkara berkaitan dengan lebih cepat dan tepat", katanya selepas melancarkan Kempen Kesedaran IT di Dewan Sivik, di sini hari ini.

Sistem pengkomputeran itu adalah agenda di bawah PJ2000 yang diumumkan April lalu oleh Yang Dipertua MPPJ membabitkan lima ahli yang bertanggungjawab dengan pembangunan projek berkenaan.

Kempen Kesedaran IT MPPJ adalah kesinambungan kempen peringkat negeri dan kebangsaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober lalu.

Kempen itu akan berlangsung selama dua hari membabitkan aktiviti pameran dan ceramah. Pameran itu membabitkan beberapa syarikat swasta dan badan kerajaan.

Mengenai pembinaan pasar di SS15 yang diambil alih oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), katanya, MPPJ akan mengeluarkan perbelanjaan kira-kira RM4 juta sekiranya MPSJ dapat menentukan tapak pembinaan baru pasar itu.

Sebelum ini, MPSJ menolak cadangan lokasi pembinaan pasar terbabit dan mendakwa kawasan itu tidak sesuai kerana sesak. MPSJ turut mendakwa MPPJ enggan membiayai perbelanjaan untuk projek berkenaan.

Di samping itu, MPPJ masih belum menentukan pemaaju yang layak untuk membangunkan kawasan perpindahan penempatan setinggan di Kampung Kayu Ara dan Kampung Sungai Rumpit yang membabitkan 42,000 rumah kos rendah.

(END)